

12 MAR 2000

Umno - Selandar

UMNO BAHAGIAN SELANDAR CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

ALOR GAJAH, 12 Mac (Bernama) -- Mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Selandar hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Tan Sri Mohamad Mohamad Taib dari Selangor dicalonkan bagi jawatan Naib Presiden.

Umno bahagian Selandar ialah bahagian kedua di Melaka selepas Batu Berendam mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing bagi dua jawatan tertinggi itu sebelum ini.

Timbalan Ketua Bahagian, Abdul Kadir Daud yang mencadangkan pencalonan semua jawatan termasuk bagi 25 calon jawatan anggota Majlis Tertinggi mendapat sokongan sebulat suara pada mesyuarat yang berlangsung di Dewan Hang Kasturi, Selandar, dekat sini.

Bagi jawatan MT, bahagian itu mencalonkan Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Perlis Tan Sri Shahidan Kassim, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Adnan Yaakob dan Pulau Pinang Datuk Dr Helmi Yahaya.

Yang lain ialah Datuk Azmi Khalid, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Senator Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Mohd Nazri Aziz, Tan Sri Kasitah Gadam, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, Datuk Drs Suleiman Mohamad, Datuk Mohd Shafie Aqdal, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Ishak Ismail, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, Tan Sri Rahim Tamby Chik, Daruk Dr Tengku Mahmud Mansor, Datuk Shahrir Abdul Samad, Abdul Azim Zabidi, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Datuk Maznah Hamid.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap bahagian berkenaan mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Datuk Seri Onn Ismail.

-- BERNAMA

MYD RI